

Penjelasan CBP Perlu Pendekatan Kreatif, Guna Bahasa Mudah - Senator Bernama
5 Mei, 2014

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Kerajaan perlu menentukan kaedah terbaik dan kreatif dalam memberi penerangan tentang Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) supaya cukai yang akan dilaksanakan April tahun depan itu diterima secara menyeluruh.

Senator Datuk Boon Som Inong berkata ini bagi memastikan rakyat, khususnya di peringkat akar umbi benar-benar mengerti tentang CBP dan kesannya kepada kehidupan seharian mereka.

Ketika membahaskan Rang Undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 di Dewan Negara Isnin, beliau berkata penerangan yang tidak sampai kepada golongan sasar itu menyebabkan rakyat semakin keliru, lebih-lebih lagi apabila pihak tertentu mengambil kesempatan memanipulasi sistem itu sebagai merugikan rakyat.

"Tanpa penerangan kreatif, saya bimbang kebaikan sistem ini akan menerima nasib sepertimana Gagasan 1Malaysia yang dipermainkan pihak berkepentingan, sedangkan matlamat di sebalik pengenalan CBP dan Gagasan 1Malaysia adalah baik untuk rakyat.

"Ini berbeza, dan tidak seperti Wawasan 2020 di mana semua orang bercakap mengenainya. Untuk memberi kefahaman, pelbagai seminar, bengkel dan kem bina negara yang perlu dihadiri peringkat dari atasan sampai ke bawah menyebabkan wawasan itu disebut dan difahami sehingga kini," katanya.

Boon berkata maklumat berkenaan CBP perlu disampaikan dalam bahasa yang mudah, bukannya secara rambang menggunakan bahasa 'tinggi' yang hanya difahami ahli ekonomi atau pakar kewangan sahaja.

Beliau berkata matlamat kefahaman secara menyeluruh tidak akan tercapai sekiranya penyebaran maklumat hanya bersandarkan kepada usaha Kementerian Kewangan, Jabatan Penerangan atau iklan televisyen semata-mata.

Sementara itu, Senator Lihan Jok menyarankan kerajaan mengerahkan setiap individu yang menerima gaji dan elaun daripada kerajaan, antaranya Jawatankuasa Kemajuan

dan Keselamatan Kampung, supaya turun padang memberi penerangan tentang kesan di sebalik pelaksanaan CBP.

Beliau berkata kerajaan tidak harus berpuas hati dengan kejayaan melaksanakan CBP, sebaliknya perlu sedar wujudnya faktor lain, yang dilihat lebih laju mempengaruhi rakyat menolak kebaikan daripada pelaksanaan sistem itu.

"Kerajaan dah buat penerangan, tapi masih tidak cukup sebab kita kena ingat ada usaha lain yang lebih laju daripada kita dalam soal merosakkan apa yang dirancang, bukan hanya untuk tolak CBP, tapi lebih teruk mereka cuba merosakkan negara melalui manipulasi pelaksanaan sistem itu," katanya.

Berbeza dengan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan 1975 (SST) yang merupakan cukai seperingkat, CBP ialah cukai berperingkat dengan pembayaran cukai dibuat dalam pelbagai peringkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan.

CBP akan diperkenalkan pada April 2015 pada kadar enam peratus bagi menggantikan SST sebanyak 16 peratus.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035871>